

08 AUG 2003  
MEJA-KORPORAT  
PEMIMPIN KORPORAT TUBUH MEJA BULAT

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Beberapa ketua industri dan pemimpin korporat telah menubuhkan "Meja Bulat Korporat Malaysia" yang bertujuan untuk menjadi jambatan antara kerajaan dan perniagaan selaras dengan prinsip Persyarikatan Malaysia.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh urus setia badan itu di sini hari ini, meja bulat itu akan diterajui oleh tiga pengerusi bersama, iaitu pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim; pengerusi Telekom Malaysia Bhd, Tan Sri Ir Md Radzi Mansor; dan pengerusi eksekutif Konsortium Logistik Bhd, Mirzan Mahathir.

Tigabelas ketua eksekutif membentuk lembaga meja bulan itu.

Mereka termasuk naib pengerusi eksekutif Road Builder (M) Holdings Bhd, Tan Sri Dr Chua Hock Chin; presiden/ketua pegawai eksekutif Tenaga Nasional Bhd, Datuk Pian Sukro; dan pengarah urusan/ketua pegawai eksekutif United Engineers (M) Bhd, Abdul Wahid Omar.

Menurut urus setia badan itu, meja bulat akan menyumbang kepada pembangunan korporat yang sihat dan beretika, dan kesejahteraan Malaysia.

Ia juga akan menggalakkan kepemimpinan korporat beretika dan warga korporat yang baik serta merangsang pemikiran strategik tentang cabaran yang dihadapi oleh sektor korporat Malaysia.

Ia akan turut membantu membangunkan pemimpin korporat generasi baru dan memberikan pandangan sektor swasta dalam pembentukan dasar kerajaan. --

BERNAMA

CL TJK JR